

KOMUNIKASI STRATEGIK DAN PENYAMPAIAN MAKLUMAT DALAM PELAKSANAAN PROJEK KOMUNITI: KAJIAN KES PENANAMAN UBI KAYU DI SEGAMAT

STRATEGIC COMMUNICATION AND INFORMATION DELIVERY IN COMMUNITY PROJECT IMPLEMENTATION: A CASE STUDY OF CASSAVA CULTIVATION IN SEGAMAT

Muhamad Ismail Pahmi ^{1*}
Shafiee Md Tarmudi ²
Ros Hasri Ahmad ³
Rahmawati Mohd Yusoff ⁴

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia

Email: muham184@uitm.edu.my

^{2,3} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia

Email: shafi128@uitm.edu.my & rosha446@uitm.edu.my

³ Pensyarah Kanan, Jabatan Undang-undang, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor, Kampus Segamat, Johor, Malaysia

Email: rahmawatimy@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 16-5-2026

Revised date : 17-5-2026

Accepted date : 28-6-2026

Published date : 30-6-2026

To cite this document:

Pahmi, M. I., Md Tarmudi, S., Ahmad, R. H., & Mohd Yusoff, R. (2026). Komunikasi strategik dan penyampaian maklumat dalam pelaksanaan projek komuniti: Kajian kes penanaman ubi kayu di Segamat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (83), 1026 - 1036.

Abstrak: Kejayaan sesebuah inisiatif pembangunan akar umbi sangat bergantung kepada keberkesanan penyampaian maklumat dan strategi komunikasi antara agensi pelaksana dengan komuniti sasaran. Artikel ini mengkaji peranan komunikasi strategik dalam pelaksanaan projek komuniti melalui geran Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG). Menggunakan Projek Penanaman Ubi Kayu di Segamat, Johor sebagai kajian kes, penyelidikan ini menganalisis bagaimana maklumat berkaitan tadbir urus geran, teknik pertanian, dan pemerkasaan sosioekonomi disebarkan kepada komuniti luar bandar. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menilai aliran komunikasi dari peringkat penggubal dasar hingga ke peringkat pelaksana akar umbi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa komunikasi strategik yang berkesan yang menggabungkan platform digital dan interaksi bersemuka berjaya meningkatkan tahap literasi maklumat peserta, menggalakkan penyertaan aktif, dan mengurangkan asimetri maklumat. Walau bagaimanapun, cabaran seperti jurang digital dan perbezaan tahap pendidikan dalam kalangan komuniti luar bandar masih memerlukan intervensi komunikasi yang lebih khusus. Kajian ini merumuskan bahawa pengurusan maklumat yang sistematik dan komunikasi dua

hala adalah prasyarat penting untuk memastikan kelestarian projek komuniti dan pencapaian matlamat pembangunan mampan di Malaysia.

Kata Kunci: *Komunikasi Strategik, Penyampaian Maklumat, Projek Komuniti, Pengurusan Maklumat, Pembangunan Luar Bandar, Literasi Maklumat*

Abstract: *The success of government-funded community projects depends not only on financial capital but also on the effectiveness of strategic communication and information management systems that support their implementation. This article analyses the role of strategic communication and information delivery in the implementation of the Community Cassava Cultivation Project in Segamat, Johor, funded through the APPGM-SDG grant initiative. Using a qualitative case analysis approach and comprehensive document review, the study examines the communication structures, information dissemination channels, and knowledge management practices employed throughout the project lifecycle. Findings reveal that a hybrid communication approach combining digital platforms with face-to-face interactions proved most effective for the rural community context. The study also identifies critical challenges including information asymmetry, digital divide, information overload in messaging platforms, and the pivotal role of local information intermediaries in bridging the gap between policy language and community understanding. The article concludes with recommendations for strengthening communication ecosystems in community development projects, including the development of user-friendly community information systems, integration of information literacy modules, and establishment of structured feedback mechanisms.*

Keywords: *Strategic Communication, Information Delivery, Community Project, Knowledge Management, Rural Development, APPGM-SDG*

Pendahuluan

Dalam era di mana maklumat merupakan aset kritikal untuk pembangunan, penyampaian maklumat yang tepat dan strategik kepada komuniti luar bandar menjadi penentu kejayaan pelbagai dasar awam. Kerajaan Malaysia telah melancarkan pelbagai inisiatif pembangunan sosioekonomi, termasuk geran projek komuniti yang diuruskan melalui inisiatif Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) (Zanudin, 2026). Walaupun peruntukan kewangan telah disediakan dengan jumlah yang signifikan, keberkesanan pelaksanaan projek sering kali terhambat oleh masalah komunikasi dan penyebaran maklumat yang tidak cekap di peringkat akar umbi. Fenomena ini menunjukkan bahawa modal kewangan sahaja tidak mencukupi untuk menjamin kejayaan sesebuah projek komuniti tanpa disokong oleh modal maklumat yang berkesan.

Komunikasi strategik dalam konteks pembangunan komuniti bukan sekadar penyebaran maklumat sehala daripada kerajaan kepada rakyat, tetapi melibatkan proses dialog yang disengajakan dan berstruktur untuk mencapai matlamat organisasi atau dasar (Hallahan et al., 2007). Ia merangkumi perancangan mesej, pemilihan saluran yang sesuai, pengenalpastian khalayak sasar, dan penilaian keberkesanan komunikasi secara berterusan. Dalam kes pelaksanaan geran APPGM-SDG, komunikasi strategik diperlukan untuk memastikan komuniti memahami objektif projek, tatacara pengurusan dana, amalan terbaik pertanian, dan peluang pasaran yang tersedia.

Artikel ini menggunakan Projek Penanaman Ubi Kayu di Segamat, Johor sebagai kes kajian untuk menganalisis ekosistem komunikasi yang menyokong inisiatif pembangunan akar umbi ini. Projek ini dipilih kerana ia mewakili satu contoh tipikal projek komuniti yang memerlukan penyampaian maklumat pelbagai dimensi dari maklumat tadbir urus kewangan sehinggalah pengetahuan teknikal pertanian kepada khalayak yang mempunyai tahap literasi yang berbeza-beza. Penyelidikan ini dikhususkan untuk menjawab tiga persoalan utama iaitu bagaimana saluran komunikasi distrukturkan dalam pelaksanaan projek komuniti, apa cabaran pengurusan maklumat yang dihadapi oleh komuniti luar bandar dalam konteks projek pertanian, dan sejauh mana strategi penyampaian maklumat mempengaruhi penyertaan serta kelestarian projek.

Signifikansi kajian ini terletak pada sumbangannya kepada pemahaman mengenai peranan komunikasi strategik sebagai pemboleh (enabler) pembangunan komuniti di Malaysia. Walaupun banyak kajian telah mengkaji aspek kewangan dan ekonomi projek pembangunan luar bandar, dimensi komunikasi dan pengurusan maklumat sering kali kurang mendapat perhatian dalam literatur tempatan. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan menyediakan analisis yang mendalam mengenai bagaimana maklumat mengalir, diproses, dan digunakan dalam konteks projek komuniti yang sebenar. Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pembangunan kerangka komunikasi yang lebih berkesan untuk projek-projek pembangunan komuniti di Malaysia pada masa hadapan, sekaligus memperkaya korpus pengetahuan dalam bidang komunikasi pembangunan dan pengurusan maklumat di negara-negara membangun.

Tinjauan Literatur

Komunikasi Strategik dalam Pembangunan Kerajaan

Komunikasi strategik kerajaan merujuk kepada penggunaan komunikasi secara sistematik dan terancang untuk menyokong pencapaian objektif dasar awam (Kasimon, 2020). Dalam konteks Malaysia, komunikasi kerajaan sering berhadapan dengan cabaran untuk menterjemahkan dasar makro yang kompleks kepada bahasa yang mudah difahami oleh masyarakat luar bandar yang mempunyai latar belakang pendidikan yang pelbagai. Aziz dan Rusli (2024) menekankan bahawa kepimpinan transformasi yang disokong oleh komunikasi strategik adalah penting untuk membina kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap inisiatif pembangunan, termasuk konsep MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan semasa. Tambahan pula, pendekatan "communities of practice" (komuniti amalan) di peringkat tempatan terbukti berkesan dalam mempercepatkan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), kerana ia membolehkan pemindahan pengetahuan berlaku secara organik dalam ekosistem komuniti itu sendiri (Annan-Aggrey et al., 2022).

Menurut UNICEF (2020), komunikasi untuk perubahan sosial (social and behaviour change communication) memerlukan penglibatan komuniti (community engagement) yang berterusan, bukannya kempen kesedaran yang bersifat ad-hoc atau sekali sahaja. Pendekatan ini menekankan bahawa perubahan tingkah laku dan penerimaan terhadap inovasi memerlukan proses komunikasi yang berulang, konsisten, dan disesuaikan dengan konteks budaya tempatan. Dalam konteks projek pertanian komuniti, ini bermakna maklumat teknikal perlu disampaikan secara berperingkat dan diperkukuhkan melalui demonstrasi praktikal yang membolehkan peserta melihat sendiri hasil daripada amalan yang disyorkan.

Selain itu, Mohd Satar et al. (2021) dalam kajian mereka mengenai pembangunan komuniti pintar di Kemaman menekankan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) boleh

menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti, tetapi keberkesanannya bergantung kepada tahap literasi digital dan infrastruktur yang tersedia. Ini menunjukkan bahawa strategi komunikasi untuk projek komuniti luar bandar perlu mengambil kira realiti jurang digital yang masih wujud di kawasan-kawasan tertentu di Malaysia. Kajian oleh Sheikh Dawood et al. (2019) mengesahkan bahawa jurang digital masih menjadi penghalang utama kepada usaha pembasmian kemiskinan di kawasan luar bandar Malaysia, di mana akses terhadap kepada infrastruktur ICT menyukarkan komuniti untuk mendapatkan maklumat pasaran dan bantuan kerajaan secara optimum. Fenomena ini turut disokong oleh Faziharudean dan Ismail (2005) yang mendapati wujudnya perbezaan ketara dalam tahap penggunaan teknologi antara penduduk bandar dan luar bandar.

Dalam konteks projek pertanian komuniti seperti penanaman ubi kayu, komunikasi strategik perlu beroperasi pada pelbagai peringkat secara serentak. Di peringkat makro, ia perlu menyampaikan visi dan matlamat dasar kerajaan kepada komuniti. Di peringkat meso, ia perlu menyelaraskan tindakan antara pelbagai agensi pelaksana dan jawatankuasa tempatan. Di peringkat mikro pula, ia perlu memastikan setiap peserta individu memahami peranan, tanggungjawab, dan hak mereka dalam projek. Kegagalan komunikasi di mana-mana peringkat ini boleh menyebabkan keseluruhan projek terjejas, walaupun peringkat-peringkat lain berfungsi dengan baik.

Penyampaian Maklumat Pertanian di Luar Bandar

Pengurusan maklumat dalam sektor pertanian komuniti melibatkan proses pemerolehan, penyimpanan, pemprosesan, dan perkongsian pengetahuan teknikal serta maklumat pasaran. Msoffe dan Ngulube (2016) mendapati bahawa penyampaian maklumat pertanian di kawasan luar bandar negara membangun sering kali tidak berkesan kerana ia tidak disesuaikan dengan keperluan spesifik dan tahap literasi petani tempatan. Maklumat yang terlalu teknikal atau disampaikan dalam format yang tidak mesra pengguna sering kali gagal untuk diterjemahkan kepada amalan di lapangan. Isu asimetri maklumat ini memberi kesan langsung kepada produktiviti yang mana Ullah et al. (2020) membuktikan bahawa petani yang berhadapan dengan asimetri maklumat cenderung untuk tidak mengguna pakai input pertanian moden seperti benih berkualiti dan baja yang disyorkan, sekaligus menjejaskan potensi pendapatan sosioekonomi mereka.

Walaupun teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menawarkan platform penyebaran maklumat yang pantas dan meluas, Zhang et al. (2016) menegaskan bahawa kaedah komunikasi tradisional seperti perjumpaan bersemuka, demonstrasi lapangan, dan lawatan ke plot contoh masih sangat relevan dan berkesan untuk memupuk kepercayaan dalam kalangan petani. Ini kerana pertanian adalah aktiviti yang sangat praktikal, dan petani cenderung untuk mempercayai maklumat yang boleh mereka lihat hasilnya secara langsung. Gabungan antara kaedah digital dan interpersonal, yang dikenali sebagai pendekatan komunikasi hibrid—dilihat sebagai strategi yang paling berkesan untuk konteks luar bandar Malaysia.

Gebeyehu (2024) turut menekankan bahawa akses kepada maklumat pertanian yang tepat pada masanya adalah kritikal untuk membuat keputusan yang baik dalam pengurusan ladang. Maklumat mengenai cuaca, harga pasaran semasa, teknik kawalan perosak, dan jadual pembajaan yang optimum boleh memberi impak yang signifikan kepada hasil tuaian dan pendapatan petani. Oleh itu, sistem penyampaian maklumat yang cekap bukan sahaja menyokong operasi harian projek pertanian, tetapi juga menyumbang kepada pembinaan kapasiti jangka panjang komuniti.

Kerangka Teori: Model Komunikasi Strategik untuk Pembangunan

Kajian ini berpandukan kepada Model Komunikasi Strategik untuk Pembangunan yang mengintegrasikan tiga perspektif teori utama. Pertama, Teori Penyebaran Inovasi (Diffusion of Innovations Theory) oleh Rogers (2003) yang menjelaskan bagaimana idea, amalan, atau teknologi baharu disebarkan dan diterima oleh sesebuah komuniti melalui saluran komunikasi tertentu dalam tempoh masa tertentu. Dalam konteks projek penanaman ubi kayu, teori ini membantu memahami bagaimana teknik pertanian baharu dan amalan pengurusan projek disebarkan kepada peserta melalui pelbagai saluran komunikasi.

Kedua, Model Komunikasi Dua Hala Simetri (Two-Way Symmetrical Communication Model) oleh Grunig dan Hunt (1984) yang menekankan kepentingan dialog dan maklum balas antara organisasi dengan khalayak sasarannya. Model ini mencadangkan bahawa komunikasi yang paling berkesan berlaku apabila kedua-dua pihak dalam kes ini, iaitu agensi pelaksana dan komuniti mempunyai peluang yang sama untuk mempengaruhi satu sama lain melalui proses komunikasi. Ketiga, konsep Literasi Maklumat (Information Literacy) yang merujuk kepada keupayaan individu untuk mengenal pasti keperluan maklumat, mencari maklumat secara berkesan, menilai maklumat secara kritikal, dan menggunakan maklumat untuk membuat keputusan yang baik. Gabungan ketiga-tiga perspektif ini membentuk kerangka analisis yang komprehensif untuk menilai ekosistem komunikasi dalam projek komuniti.

Tingkah Laku Pencarian Maklumat dalam Kalangan Petani

Tingkah laku pencarian maklumat (information seeking behaviour) dalam kalangan komuniti luar bandar dipengaruhi oleh pelbagai faktor sosiodemografi termasuk umur, tahap pendidikan, pengalaman pertanian, dan akses kepada teknologi. Tumbo et al. (2018) dalam kajian mereka mendedahkan bahawa petani lebih cenderung untuk mencari maklumat daripada rakan sebaya (peer networks) atau ketua komuniti berbanding sumber rasmi kerajaan jika wujud halangan birokrasi atau persepsi bahawa maklumat rasmi sukar difahami.

Mahindaratne (2019) pula mendapati bahawa faktor motivasi intrinsik seperti keinginan untuk meningkatkan hasil tuaian dan pendapatan merupakan pendorong utama tingkah laku pencarian maklumat dalam kalangan petani. Walau bagaimanapun, halangan seperti kekurangan masa, jarak dari pusat maklumat, dan ketidakpercayaan terhadap sumber maklumat tertentu boleh menghalang proses pencarian maklumat yang aktif. Oleh itu, memahami bagaimana komuniti mencari dan memproses maklumat adalah kritikal untuk merekabentuk strategi komunikasi yang berkesan bagi projek pembangunan seperti penanaman ubi kayu di Segamat.

Dalam konteks Malaysia, tingkah laku pencarian maklumat dalam kalangan petani luar bandar juga dipengaruhi oleh faktor budaya dan sosial. Budaya gotong-royong dan semangat kekitaan yang kuat dalam masyarakat Melayu luar bandar menjadikan rangkaian sosial sebagai saluran utama perkongsian maklumat. Maklumat yang diterima daripada jiran, saudara-mara, atau ketua kampung sering kali lebih dipercayai berbanding maklumat daripada sumber rasmi kerajaan yang dianggap jauh dan kurang memahami realiti tempatan. Fenomena ini mempunyai implikasi penting bagi strategi komunikasi projek komuniti. Sebarang strategi penyampaian maklumat yang mengabaikan peranan rangkaian sosial informal ini akan kehilangan saluran komunikasi yang paling berpengaruh dan dipercayai dalam komuniti luar bandar. Oleh itu, pendekatan yang mengintegrasikan saluran formal dan informal secara strategik adalah lebih berkesan berbanding bergantung sepenuhnya kepada saluran rasmi kerajaan. Pengiktirafan terhadap peranan rangkaian sosial ini perlu diterjemahkan kepada strategi komunikasi yang

konkrit, termasuk pengenalanpastian dan pelantikan pemimpin pendapat (opinion leaders) tempatan sebagai duta maklumat projek.

Metodologi

Artikel ini digarap berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif yang mengaplikasikan pendekatan analisis kes (case analysis) dan tinjauan dokumen secara komprehensif. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memahami fenomena komunikasi dalam konteks semula jadinya tanpa manipulasi pemboleh ubah. Data dikumpulkan melalui analisis dokumen rasmi berkaitan APPGM-SDG, garis panduan pelaksanaan geran komuniti, laporan kemajuan projek, serta literatur akademik yang membincangkan pengurusan maklumat dan komunikasi pembangunan di Malaysia dan negara-negara membangun yang lain.

Kerangka analisis kajian ini dibina berdasarkan model komunikasi strategik yang menilai tiga dimensi utama. Dimensi pertama ialah sumber maklumat, yang merujuk kepada penggubal dasar dan agensi pelaksana seperti Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dan sekretariat APPGM-SDG. Dimensi kedua ialah saluran penyampaian, yang merangkumi medium komunikasi digital (portal rasmi, aplikasi pemesejan, media sosial) dan medium tradisional (mesyuarat komuniti, bengkel latihan, demonstrasi lapangan). Dimensi ketiga ialah penerima maklumat, iaitu komuniti sasaran di Segamat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan tahap literasi digital.

Analisis kandungan tematik digunakan untuk mengenal pasti pola komunikasi, cabaran penyebaran maklumat, dan strategi mitigasi yang diguna pakai dalam memastikan kejayaan pelaksanaan projek penanaman ubi kayu tersebut. Data dianalisis secara induktif untuk membolehkan tema-tema baharu muncul daripada data itu sendiri, di samping dipandu oleh kerangka teori komunikasi strategik yang telah ditetapkan.

Pemilihan projek penanaman ubi kayu di Segamat sebagai kes kajian adalah berasaskan beberapa pertimbangan metodologi. Pertama, projek ini melibatkan pelbagai lapisan komunikasi dari peringkat kerajaan pusat melalui APPGM-SDG kepada jawatankuasa tempatan dan seterusnya kepada peserta individu, menjadikannya kes yang kaya untuk menganalisis aliran komunikasi pelbagai peringkat. Kedua, projek ini menggabungkan elemen pertanian teknikal dan tadbir urus kewangan, yang memerlukan penyampaian pelbagai jenis maklumat kepada khalayak yang sama. Ketiga, lokasi projek di kawasan luar bandar Segamat mewakili konteks tipikal di mana cabaran komunikasi dan jurang digital paling ketara dirasai, menjadikan dapatan kajian ini boleh digeneralisasikan kepada projek-projek komuniti luar bandar yang lain di Malaysia.

Dapatan dan Perbincangan

Struktur dan Saluran Penyampaian Maklumat

Analisis menunjukkan bahawa pelaksanaan Projek Penanaman Ubi Kayu Segamat menggunakan pendekatan komunikasi hibrid yang menggabungkan platform digital dan kaedah interpersonal secara bersepadu. Di peringkat permohonan dan tadbir urus geran, penyampaian maklumat banyak bergantung kepada medium digital. Portal rasmi APPGM-SDG menyediakan maklumat mengenai syarat kelayakan, prosedur permohonan, dan garis panduan pelaksanaan projek. Aplikasi pemesejan seperti WhatsApp dan Telegram pula digunakan sebagai saluran komunikasi operasi harian antara sekretariat APPGM-SDG dengan jawatankuasa projek tempatan.

Kumpulan WhatsApp komuniti didapati menjadi medium komunikasi yang paling aktif untuk perkongsian maklumat pantas sesama peserta projek. Melalui platform ini, peserta berkongsi gambar kemajuan tanaman, bertanya soalan teknikal, dan menerima peringatan mengenai jadual aktiviti. Kelebihan platform ini terletak pada sifatnya yang tidak formal dan mudah diakses, membolehkan komunikasi berlaku secara spontan tanpa kekangan birokrasi. Walau bagaimanapun, komunikasi visual di lapangan juga terbukti sangat penting. Contohnya, papan tanda projek fizikal yang didirikan di Lot 660 yang seluas 3.5 ekar berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat sehalu yang sangat telus dan berkesan. Papan tanda ini memaparkan secara terbuka nama pengusaha berserta garis masa projek yang jelas sebagai contoh Tarikh pembersihan kawasan, Tarikh pembuatan batas, tarikh penanaman, dan tarikh sasaran tuaian. Keterlihatan maklumat ini membantu menyelaraskan jangkaan komuniti. Walau bagaimanapun, sifat tidak berstruktur ini juga membawa cabaran tersendiri yang akan dibincangkan kemudian.

Untuk pemindahan pengetahuan teknikal berkaitan pertanian seperti teknik penyediaan tanah untuk ubi kayu, kawalan perosak dan penyakit, pengurusan baja, dan penentuan masa tuaian yang optimum, dapat dilihat kaedah komunikasi interpersonal melalui sesi latihan bersemuka dan demonstrasi amali di lapangan didapati lebih dominan dan berkesan. Ini selari dengan penemuan Zhang et al. (2016) bahawa interaksi fizikal membenarkan maklum balas masa nyata, memudahkan pemahaman praktikal, dan membina hubungan kepercayaan yang penting bagi komuniti yang mungkin mempunyai kekangan literasi digital.

Peranan Agen Perantara dalam Pengurusan Maklumat

Satu penemuan penting adalah peranan kritikal agen perantara maklumat (information intermediaries) dalam menyokong komunikasi strategik projek. Dalam kes projek di Segamat, jawatankuasa penggerak tempatan dan pegawai APPGM-SDG bertindak sebagai penterjemah dasar. Mereka menapis dan meringkaskan maklumat birokrasi yang kompleks daripada kerajaan pusat kepada bahasa operasi yang mudah difahami oleh peserta B40. Peranan ini amat penting kerana banyak dokumen rasmi kerajaan ditulis dalam bahasa formal yang mungkin sukar difahami oleh komuniti yang mempunyai tahap pendidikan yang terhad.

Agen perantara ini juga memainkan peranan penting dalam pengurusan pengetahuan komuniti (community knowledge management). Pengalaman penanaman yang diperoleh sepanjang kitaran projek, kesilapan yang dilakukan dan pengajaran daripadanya, serta inovasi kecil yang ditemui semasa mengusahakan ubi kayu direkodkan dan dikongsikan kepada peserta baharu atau projek komuniti yang lain. Proses pendokumentasian pengetahuan tersirat (tacit knowledge) kepada pengetahuan tersurat (explicit knowledge) ini merupakan elemen pengurusan maklumat yang memastikan kelestarian projek melepasi fasa pembiayaan awal.

Tanpa agen perantara yang berkesan, risiko kehilangan pengetahuan institusi (institutional knowledge loss) adalah tinggi, terutamanya apabila ahli jawatankuasa asal meninggalkan projek atau apabila projek memasuki fasa baharu yang memerlukan kepakaran berbeza. Oleh itu, peranan ini perlu diiktiraf secara formal dan disokong dengan latihan yang bersesuaian untuk memastikan kesinambungan aliran maklumat dalam komuniti.

Selain itu, agen perantara juga bertindak sebagai penapis maklumat (information gatekeeper) yang menentukan maklumat mana yang perlu disampaikan kepada peserta dan dalam format apa. Peranan penapisan ini penting untuk mengelakkan lebih maklumat yang boleh mengelirukan peserta, tetapi ia juga membawa risiko tersendiri. Jika agen perantara tidak

mempunyai pemahaman yang tepat mengenai sesuatu maklumat, terdapat kemungkinan maklumat yang disaring atau diterjemahkan menjadi tidak tepat atau tidak lengkap. Ini menekankan keperluan untuk melatih agen perantara bukan sahaja dalam kemahiran komunikasi tetapi juga dalam kandungan teknikal yang berkaitan dengan projek.

Cabaran Komunikasi dan Asimetri Maklumat

Meskipun strategi komunikasi telah dirancang dengan baik, pelaksanaan projek tidak sunyi daripada cabaran. Asimetri maklumat dikesan berlaku apabila terdapat jurang antara maklumat yang ingin disampaikan oleh agensi pelaksana dengan apa yang sebenarnya difahami oleh peserta. Sebagai contoh, prosedur pelaporan kewangan geran yang memerlukan dokumentasi yang teliti termasuk resit pembelian, rekod perbelanjaan, dan laporan kemajuan berkala sering kali menjadi kekangan kerana tahap literasi maklumat pentadbiran yang berbeza-beza dalam kalangan ahli komuniti.

Selain itu, fenomena lebih maklumat (information overload) turut berlaku dalam kumpulan pemesejan digital. Maklumat penting mengenai jadual projek, amaran cuaca, atau arahan teknikal sering tenggelam dalam perbualan tidak rasmi dan mesej sosial yang tidak berkaitan. Ini menuntut kepada perlunya satu strategi komunikasi yang lebih berstruktur, di mana maklumat kritikal dipusatkan dan mudah diakses semula oleh peserta pada bila-bila masa tanpa perlu menatal ratusan mesej dalam kumpulan pemesejan.

Jurang digital juga dikenal pasti sebagai cabaran yang ketara. Walaupun majoriti peserta memiliki telefon pintar, tahap kecekapan mereka dalam menggunakan aplikasi digital untuk tujuan pengurusan projek adalah berbeza-beza. Peserta yang lebih berusia cenderung menghadapi kesukaran untuk memuat naik dokumen, mengisi borang dalam talian, atau mengakses maklumat dari portal rasmi. Ini menunjukkan bahawa strategi komunikasi digital perlu disokong oleh alternatif bukan digital untuk memastikan tiada peserta yang tertinggal.

Cabaran bahasa juga tidak boleh dipandang ringan. Walaupun Bahasa Melayu adalah bahasa utama komunikasi, sesetengah dokumen teknikal berkaitan pertanian atau garis panduan kewangan mungkin mengandungi istilah teknikal yang tidak biasa digunakan dalam perbualan harian komuniti luar bandar. Ketidaktahuan terhadap istilah-istilah ini boleh menyebabkan salah tafsir yang berpotensi menjejaskan pelaksanaan projek. Oleh itu, penyesuaian bahasa (language adaptation) dalam semua bahan komunikasi projek adalah satu keperluan yang kritikal, bukan sekadar pilihan.

Di samping itu, kekerapan dan konsistensi komunikasi juga mempengaruhi keberkesanan penyampaian maklumat. Analisis menunjukkan bahawa komunikasi yang terlalu jarang boleh menyebabkan peserta berasa terpinggir dan kurang bermotivasi, manakala komunikasi yang terlalu kerap pula boleh menyebabkan keletihan maklumat (communication fatigue). Mencari keseimbangan yang tepat memerlukan pemahaman yang mendalam mengenai irama kehidupan dan keutamaan komuniti sasaran.

Impak Komunikasi Strategik terhadap Kelestarian Projek

Analisis menunjukkan korelasi yang jelas antara keberkesanan komunikasi dengan tahap penyertaan dan kelestarian projek. Komuniti yang menerima maklumat secara konsisten dan mempunyai saluran maklum balas yang aktif menunjukkan tahap komitmen yang lebih tinggi terhadap projek. Komunikasi dua hala yang membolehkan peserta menyuarakan masalah,

mencadangkan penambahbaikan, dan berkongsi kejayaan mewujudkan rasa pemilikan (sense of ownership) yang kritikal untuk kelestarian jangka panjang.

Sebaliknya, gangguan dalam aliran komunikasi sama ada disebabkan oleh pertukaran pegawai penyelarar, kegagalan teknikal platform digital, atau kekurangan mesyuarat bersemuka boleh menyebabkan penurunan motivasi dan peningkatan risiko salah faham mengenai tanggungjawab masing-masing. Ini mengesahkan bahawa komunikasi strategik bukan sekadar komponen sokongan, tetapi merupakan tulang belakang operasi yang menentukan kejayaan atau kegagalan projek komuniti.

Dari perspektif Teori Penyebaran Inovasi (Rogers, 2003), kejayaan penyebaran amalan pertanian baharu dalam projek ini bergantung kepada beberapa faktor utama. Pertama, kelebihan relatif (relative advantage) yang dirasakan oleh peserta—iaitu sejauh mana mereka melihat teknik baharu sebagai lebih baik daripada amalan sedia ada. Komunikasi strategik memainkan peranan kritikal dalam menyampaikan kelebihan ini secara meyakinkan melalui bukti dan demonstrasi. Kedua, keserasian (compatibility) amalan baharu dengan nilai dan pengalaman sedia ada komuniti. Agen perantara yang memahami konteks budaya tempatan mampu meringkaskan maklumat teknikal dalam cara yang selaras dengan pengetahuan tradisional peserta, sekali gus mengurangkan rintangan terhadap perubahan.

Ketiga, kebolehcubaan (trialability) yang membolehkan peserta mencuba amalan baharu secara berskala kecil sebelum mengamalkannya secara menyeluruh. Komunikasi yang berkesan menyediakan ruang untuk eksperimentasi dan pembelajaran daripada kesilapan tanpa rasa takut akan hukuman. Keempat, keboleherhatian (observability) hasil daripada amalan baharu. Apabila peserta dapat melihat kejayaan rakan sebaya mereka yang telah mengamalkan teknik tertentu, ini menjadi bentuk komunikasi yang paling berpengaruh—lebih kuat daripada sebarang arahan rasmi daripada agensi kerajaan.

Cadangan Penambahbaikan

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan projek komuniti pada masa hadapan, beberapa cadangan dari perspektif pengurusan maklumat dikemukakan. Pertama, agensi pelaksana perlu membangunkan satu Sistem Maklumat Komuniti yang ringkas dan mesra pengguna. Sistem ini boleh berupa papan pemuka (dashboard) ringkas berasaskan aplikasi mudah alih yang menyimpan modul latihan, rekod kewangan, jadual aktiviti, dan data pasaran yang boleh diakses dengan mudah oleh ketua projek dan peserta.

Kedua, modul literasi maklumat perlu disepadukan ke dalam latihan awal projek. Peserta perlu dilatih bukan sahaja tentang cara menanam ubi kayu, tetapi juga cara mencari maklumat pasaran yang sahih, mengenal pasti pembeli yang berpotensi, menguruskan rekod kewangan secara digital, dan menggunakan platform dalam talian untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Ketiga, strategi komunikasi kerajaan perlu terus diperhalusi dengan memperkasakan peranan ketua komuniti tempatan sebagai agen komunikasi utama, memandangkan mereka mempunyai tahap kepercayaan yang paling tinggi dalam kalangan penduduk luar bandar.

Keempat, mekanisme maklum balas yang berstruktur perlu diwujudkan untuk membolehkan komuniti melaporkan cabaran dan mencadangkan penambahbaikan secara sistematik. Ini boleh dilakukan melalui sesi penilaian berkala atau tinjauan ringkas yang membolehkan agensi pelaksana mengenal pasti dan menangani isu komunikasi sebelum ia menjadi masalah yang lebih besar.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa komunikasi strategik dan pengurusan maklumat yang cekap adalah tulang belakang kepada kejayaan projek komuniti seperti penanaman ubi kayu di Segamat. Walaupun geran kewangan menyediakan modal fizikal yang diperlukan, strategi komunikasilah yang membina modal insan dan modal sosial yang diperlukan untuk menggerakkan projek tersebut secara berkesan. Pendekatan komunikasi dua hala yang diamalkan melalui inisiatif APPGM-SDG telah berjaya memupuk rasa pemilikan dalam kalangan komuniti dan memudahkan pemindahan pengetahuan yang kritikal untuk operasi pertanian.

Dari sudut teori, kajian ini menyumbang kepada pemahaman mengenai bagaimana komunikasi strategik beroperasi dalam konteks pembangunan komuniti luar bandar di Malaysia. Dapatan kajian mengesahkan bahawa model komunikasi dua hala simetri (Grunig & Hunt, 1984) adalah lebih berkesan berbanding komunikasi sehalu dalam konteks projek pembangunan. Kajian ini juga mengukuhkan teori penyebaran inovasi Rogers (2003) dengan menunjukkan bahawa agen perantara tempatan memainkan peranan yang sangat kritikal sebagai opinion leaders yang mempengaruhi kadar penerimaan inovasi dalam kalangan komuniti luar bandar.

Dari sudut praktikal, kajian ini menyediakan panduan yang berguna bagi pengamal komunikasi pembangunan dan pengurus projek komuniti. Pendekatan komunikasi hibrid yang menggabungkan platform digital dengan interaksi bersemuka terbukti sebagai strategi yang paling berkesan untuk konteks luar bandar Malaysia. Pengamal juga perlu memberi perhatian khusus kepada isu lebihan maklumat dalam platform pemesejan digital dan mewujudkan mekanisme untuk memisahkan maklumat kritikal daripada perbualan sosial.

Rujukan

- Annan-Aggrey, E., Arku, G., & Atuoye, K. (2022). Mobilizing 'communities of practice' for local development and acceleration of the Sustainable Development Goals. *Local Economy: The Journal of the Local Economy Policy Unit*, 37(3), 195-212.
- Aziz, N., & Rusli, R. (2024). A look at the transformational leadership and strategic communication towards Madani Ummah. *Journal of Contemporary Islamic Communication*, 4(1), 1-12.
- Faziharudean, T. M., & Ismail, N. (2005). Digital divide among public servants in Malaysia: Urban-rural differences. *Studies in Regional Science*, 35(4), 837-849.
- Gebeyehu, H. Z. (2024). An assessment of information seeking behavior of agricultural agents to disseminate agricultural information. *Heliyon*, 10(4), e26141.
- Grunig, J. E., & Hunt, T. (1984). *Managing public relations*. Holt, Rinehart and Winston.
- Hallahan, K., Holtzhausen, D., van Ruler, B., Verčič, D., & Sriramesh, K. (2007). Defining strategic communication. *International Journal of Strategic Communication*, 1(1), 3-35.
- Kasimon, D. N. (2020). *Engaging divided society in the nation-building process: The case of government communication in Malaysia*. (Thesis Doktor). University of Leicester.
- Mahindaratne, M. (2019). Factors that influence farmers' information seeking behaviour. *Journal of Information & Knowledge Management*, 18(3), 1950037.
- Mohd Satar, N. H., Saifullah, M. K., Masud, M. M., & Kari, F. (2021). Developing smart community based on information and communication technology: An experience of Kemaman smart community, Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 48(3), 349-365.
- Msoffe, G. E. P., & Ngulube, P. (2016). Agricultural information dissemination in rural areas of developing countries: A proposed model for Tanzania. *African Journal of Library, Archives and Information Science*, 26(2), 161-175.
- Rogers, E. M. (2003). *Diffusion of innovations*. Free Press.
- Sheikh Dawood, S. R., et al. (2019). Digital divide and poverty eradication in the rural region of the northern Peninsular Malaysia. *Indonesian Journal of Geography*, 51(2), 172-182.
- Tumbo, S. D., Mwalukasa, N., & Mlozi, M. R. S. (2018). Exploring information seeking behavior of farmers in information related to climate change adaptation through ICT. *International Review of Research in Open and Distributed Learning*, 19(3), 299-319.
- Ullah, A., et al. (2020). Socio-economic analysis of farmers facing asymmetric information in agriculture. *Technology in Society*, 63, 101381.
- UNICEF. (2020). *Guide to strategic communication for behaviour and social change*. United Nations Children's Fund. <https://communityengagementhub.org/resource/unicef-guide-to-strategic-communication-for-behaviour-and-social-change/>
- Zanudin, K. (2026). From Local Agenda 21 to SDG localisation: A pathway for Malaysia. *Planning Malaysia*, 24(1).
- Zhang, Y., Wang, L., & Duan, Y. (2016). Agricultural information dissemination using ICTs: A review and analysis of information dissemination models in China. *Information Processing in Agriculture*, 3(1), 17-29.